

COVID-19: SEMUA KAUNTER PERKHIDMATAN AWAM DITANGGUH SEMENTARA

KUANTAN, 1 FEBRUARI 2021: Orang ramai digalakkan menggunakan perkhidmatan secara atas talian bagi sebarang urusan di kaunter perkhidmatan pejabat Persekutuan dan Negeri.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan bahawa semua kaunter perkhidmatan berkenaan ditangguhkan sementara waktu bermula 2 hingga 14 Februari 2021.

Menurutnya, bagi pihak swasta yang tersenarai sebagai perkhidmatan perlu boleh beroperasi tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang melibatkan kehadiran hanya 30 peratus pihak pengurusan.

"Kehadiran kakitangan Jabatan Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada arahan Setiausaha Kerajaan Pahang manakala kakitangan Jabatan Persekutuan adalah di bawah arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

"Kehadiran kakitangan ke pejabat hanya bagi perkhidmatan yang perlu sahaja dan ditentukan Ketua Jabatan manakala kakitangan lain akan bekerja dari rumah," katanya.

Selain itu, makluman turut ditujukan kepada tarikh akhir penghantaran bantuan pasca banjir yang dimohon melalui sistem ebanjir.pahang.gov.my iaitu pada 5 Februari ini.

Kerajaan Negeri juga akan menghadkan perjalanan 10km radius dari kediaman secara serta merta seperti arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menghadkan pergerakan dan mengekang penularan wabak COVID-19. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP

Oleh: Fairus Mohd





KENYATAAN MEDIA
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG

1. Berdasarkan situasi terkini dan kluster-kluster baharu yang timbul daripada penularan di tempat kerja dan sukarelawan bantuan pasca banjir, berikut adalah langkah-langkah segera yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri:
 - a. Kehadiran kakitangan Jabatan Kerajaan Negeri tertakluk kepada arahan Setiausaha Kerajaan Pahang dan bagi kakitangan Jabatan Persekutuan adalah tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
 - b. Keutamaan kehadiran ke pejabat adalah kepada kakitangan yang terlibat dengan perkhidmatan perlu (*essential services*) yang ditentukan oleh Ketua Jabatan masing-masing manakala kakitangan lain akan bekerja dari rumah (BDR).
 - c. Semua urusan kaunter perkhidmatan Pejabat Persekutuan dan Negeri yang melibatkan urusan orang awam ditangguhkan sementara waktu dari 2 Februari 2021 sehingga 14 Februari 2021 dan digalakkan menggunakan perkhidmatan secara atas talian.
 - d. Bagi pihak swasta yang disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu, pengoperasian adalah tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara iaitu hanya melibatkan 30% kehadiran bagi pihak pengurusan.
 - e. Penguatkuasaan pematuhan SOP di tempat-tempat kerja awam dan swasta akan dilaksanakan serta-merta.
2. Tarikh akhir penghantaran bantuan pasca banjir yang dipohon melalui sistem ebanjir.pahang.gov.my adalah pada 5 Februari 2021.
3. Kerajaan Negeri Pahang akan menguatkuasa had perjalanan 10km radius daripada kediaman seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara serta-merta bagi menghadkan pergerakan dan seterusnya mengekang penularan.

Sekian, terima kasih.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG
1 Februari 2021